

# TAHAP PENGGUNAAN ALAT KECERDASAN BUATAN (AI) DAN HUBUNGANNYA DENGAN INTEGRITI AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR TVET

## *THE LEVEL OF USE OF ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI) TOOLS AND ITS RELATIONSHIP WITH ACADEMIC INTEGRITY AMONG TVET STUDENTS.*

Roshila Abdul Mutalib\*<sup>1</sup>  
Wan Nurfarhana Wan Muhamad<sup>2</sup>  
Elisnorazmaliza Ab Hamid<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Malaysia  
(E-maill: roshila@polibesut.edu.my)

<sup>2</sup>Jabatan Rekabentuk dan Komunikasi Visual, Politeknik Malaysia

<sup>3</sup>Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Politeknik Malaysia

### Article history

**Received date** : 2-3-2026  
**Revised date** : 3-3-2026  
**Accepted date** : 10-4-2026  
**Published date** : 15-4-2026

### To cite this document:

Roshila, A. M., Wan Nurfarhana, W. M., & Elisnorazmaliza, A. H. (2026). Tahap penggunaan alat kecerdasan buatan (AI) dan hubungannya dengan integriti akademik dalam kalangan pelajar TVET. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 9 (29), 78 – 85.

**Abstrak:** Penggunaan alat kecerdasan buatan sudah menjadi sebatian dalam kalangan pelajar. Di samping itu, perkembangan AI seperti ChatGPT, pembantu penulisan dan alat sokongan pengaturcaraan telah membantu pelajar menyiapkan tugas, namun turut menimbulkan persoalan berkaitan keaslian kerja, kejujuran dan etika akademik. Oleh yang demikian kajian ini dijalankan adalah untuk menilai sejauh mana tahap penggunaan alat kecerdasan buatan serta hubungannya dengan integriti akademik dalam kalangan pelajar TVET. Institusi TVET yang dipilih untuk menjalankan kajian ini ialah di Politeknik Besut Terengganu. Kajian kuantitatif ini menggunakan kaedah tinjauan melibatkan 233 responden melalui soal selidik berstruktur berskala Likert lima mata. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan korelasi Pearson. Dapatan menunjukkan tahap penggunaan AI adalah tinggi ( $M = 4.17$ ,  $SP = 0.60$ ), manakala integriti akademik juga berada pada tahap tinggi ( $M = 4.34$ ,  $SP = 0.47$ ). Analisis korelasi menunjukkan hubungan positif yang signifikan antara penggunaan AI dan integriti akademik ( $r = 0.353$ ,  $p < 0.01$ ). Penemuan ini menunjukkan bahawa penggunaan AI tidak semestinya melemahkan integriti akademik apabila pelajar mempunyai kesedaran etika dan kawalan sendiri. Kajian mencadangkan garis panduan penggunaan AI, literasi AI dan penilaian autentik diperkukuh dalam institusi TVET.

**Kata Kunci:** Kecerdasan Buatan, Integriti Akademik; TVET.

**Abstract:** *The use of artificial intelligence tools has become widespread among students. In addition, the development of AI, such as ChatGPT, writing assistants, and programming support tools, has helped students complete assignments but has also raised questions about the originality of work, honesty, and academic ethics. Therefore, this study was conducted to assess the extent of the use of artificial intelligence tools and their relationship with academic integrity among TVET students. The TVET institute chosen to conduct this study was the Terengganu Besut Polytechnic. This quantitative study used a survey method with 233 respondents and a questionnaire based on a five-point Likert scale. The data were analyzed using descriptive statistics and Pearson correlation. The findings showed that AI use was high ( $M = 4.17$ ,  $SP = 0.60$ ), while academic integrity was also high ( $M = 4.34$ ,  $SP = 0.47$ ). Correlation analysis revealed a significant positive relationship between AI use and academic integrity ( $r = 0.353$ ,  $p < 0.01$ ). These findings suggest that the use of AI does not necessarily undermine academic integrity when students have ethical awareness and self-control. The study suggests that guidelines for AI use, AI literacy, and authentic assessment be strengthened in TVET institutions.*

**Keywords:** *Artificial Intelligence, Academic Integrity, TVET.*

## Pengenalalan

Perkembangan Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) umumnya telah mengubah sistem pembelajaran (Ezzaim et al., 2025), cara pelajar mencari maklumat, menulis tugas, menyelesaikan masalah dan membina kefahaman terhadap sesuatu topik. Dalam pendidikan tinggi, AI bukan lagi teknologi sampingan, sebaliknya semakin menjadi alat sokongan pembelajaran harian. Alat AI seperti ChatGPT, GitHub Copilot, Grammarly, QuillBot dan sistem carian pintar mampu membantu pelajar menjana idea, mendapatkan penerangan ringkas, memperbaiki struktur ayat, menyemak kod program serta memahami konsep yang sukar. Kelebihan ini menjadikan AI sebagai pemangkin kepada pembelajaran sendiri dan produktiviti akademik. Namun, penggunaan yang tidak terkawal boleh menimbulkan isu etika seperti penyerahan kerja yang bukan hasil usaha sendiri, pergantungan berlebihan, penipuan akademik, plagiarisme dan ketidakjelasan dalam pengiktirafan sumber. Integriti akademik merujuk kepada prinsip kejujuran, keaslian, amanah, tanggungjawab dan penghormatan terhadap hasil intelektual. Dalam konteks penggunaan AI, integriti akademik bukan bermaksud menolak teknologi sepenuhnya, tetapi menggunakan teknologi secara telus, bertanggungjawab dan sesuai dengan objektif pembelajaran. Justeru, cabaran utama institusi pendidikan ialah mencari keseimbangan antara manfaat AI dengan pemeliharaan nilai akademik.

Di Malaysia, agenda pendigitalan pendidikan dan penekanan terhadap Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) menjadikan isu ini semakin penting. Pelajar politeknik perlu menguasai kemahiran digital yang relevan dengan industri, namun pada masa yang sama perlu dibimbing untuk memahami sempadan etika penggunaan teknologi. Kajian terdahulu banyak membincangkan manfaat AI dalam pembelajaran, tetapi kajian empirikal yang menghubungkan penggunaan AI dengan integriti akademik dalam kalangan pelajar TVET khususnya dalam kalangan pelajar politeknik masih terhad. Sebelum ini, institusi dan pensyarah tidak tahu sama ada penggunaan AI membantu atau merosakkan integriti akademik pelajar TVET. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap penggunaan alat AI dan tahap integriti akademik serta menentukan sama ada terdapat hubungan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut dalam kalangan pelajar Politeknik Besut Terengganu. Dapatan kajian diharapkan

dapat membantu institusi merangka garis panduan penggunaan AI yang lebih praktikal, membangunkan literasi AI yang beretika dan memperkukuh reka bentuk penilaian yang mengekalkan keaslian hasil kerja pelajar

### Sorotan Literatur

AI dalam pendidikan merangkumi penggunaan sistem pintar yang mampu menjana teks, menganalisis data, memberikan maklum balas, menyokong pembelajaran peribadi dan membantu penyelesaian masalah. Zawacki-Richter et al. (2019) serta Holmes et al. (2019) menjelaskan bahawa AI berpotensi meningkatkan pengalaman pembelajaran melalui akses maklumat yang luas, maklum balas segera dan sokongan pembelajaran sendiri. Dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi Visual, potensi ini lebih jelas kerana pelajar kerap berinteraksi dengan persekitaran digital dan tugas berasaskan penyelesaian masalah. Kajian terkini menunjukkan bahawa pelajar menggunakan AI untuk pelbagai tujuan akademik seperti menjana idea, menyusun esei, membaiki tatabahasa, meringkaskan bahan bacaan, mendapatkan contoh kod dan memahami konsep teknikal. Malik et al. (2023) mendapati AI dapat membantu meningkatkan kualiti penulisan akademik dan keyakinan pelajar, manakala Zhou et al. (2024) melaporkan pengalaman pembelajaran pelajar menjadi lebih positif apabila AI digunakan sebagai alat sokongan. Dalam konteks TVET, Ab Hamid, Maskur dan Mutalib (2023) turut menunjukkan bahawa penggunaan ChatGPT dapat meningkatkan kefahaman serta penglibatan pelajar.

Walaupun AI mempunyai banyak manfaat, isu integriti akademik menjadi perhatian utama. Shaari dan Morat (2025) menegaskan bahawa AI generatif boleh digunakan untuk menghasilkan kandungan akademik secara terus tanpa proses pembelajaran yang mencukupi. Hua (2023) pula menyatakan bahawa penggunaan AI dalam penilaian dalam talian boleh meningkatkan risiko ketidakjujuran akademik jika tiada kawalan dan panduan yang jelas. Risiko ini termasuk plagiarisme, manipulasi jawapan, kurang pengiktirafan sumber dan penurunan usaha kognitif pelajar. Namun begitu, literatur juga menunjukkan bahawa AI tidak semestinya membawa kesan negatif. Yusuf et al. (2024) menyifatkan AI sebagai teknologi dwi-fungsi yang boleh menjadi ancaman atau peluang bergantung kepada cara penggunaannya. Sekiranya pelajar memahami batas etika, menggunakan AI sebagai alat sokongan dan bukan pengganti pemikiran, AI boleh memperkukuh pembelajaran. Oleh itu, faktor seperti kesedaran etika, kawalan sendiri, literasi AI dan reka bentuk tugas memainkan peranan penting dalam menentukan kesan sebenar penggunaan AI terhadap integriti akademik. Dalam konteks Malaysia, Mustaffa (2025), Chew et al. (2025) dan Dahri et al. (2024) menunjukkan peningkatan penerimaan AI dalam pendidikan tinggi serta potensi kesannya terhadap prestasi akademik. Pada masa yang sama, Ab Hamid, Mutalib dan Semail (2026) menekankan kepentingan etika digital dan pematuhan siber dalam membentuk warga digital yang bertanggungjawab. Jurang yang masih wujud ialah kekurangan kajian yang meneliti hubungan penggunaan AI dengan integriti akademik dalam kalangan pelajar politeknik. Maka, kajian ini memberi fokus kepada konteks tersebut bagi menghasilkan dapatan yang lebih dekat dengan realiti TVET.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang dijalankan dalam bentuk tinjauan. Sampel kajian terdiri daripada 236 pelajar dari Politeknik Besut Terengganu. Instrumen kajian ialah soal selidik berstruktur yang dibangunkan berdasarkan literatur berkaitan penggunaan AI dan integriti akademik. Untuk menentukan sama ada item adalah sesuai digunakan, analisis

kebolehpercayaan dijalankan menggunakan Cronbach's Alpha bagi memastikan konsistensi dalaman item. Soal selidik mengandungi bahagian demografi serta dua pemboleh ubah utama, iaitu penggunaan AI dan integriti akademik. Setiap pemboleh ubah mempunyai lapan item, menjadikan jumlah keseluruhan 16 item. Semua item diukur menggunakan skala Likert lima mata daripada 1 (sangat tidak setuju) hingga 5 (sangat setuju). Soal selidik diedarkan dalam talian menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Dari aspek etika penyelidikan, dalam pengenalan soal selidik, responden dimaklumkan tentang tujuan kajian dan penyertaan adalah secara sukarela. Kerahsiaan serta anonimiti responden dijamin sepenuhnya. Data hanya digunakan untuk tujuan akademik dan dilaporkan secara agregat tanpa mendedahkan identiti individu. Selepas proses saringan data, tiga respons dikeluarkan kerana menunjukkan ketidakselarasan jawapan dan corak *straight-lining*. Oleh itu, sebanyak 233 respons sah digunakan dalam analisis akhir. Data dianalisis menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics*. Statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai min dan sisihan piawai bagi menentukan tahap penggunaan AI dan integriti akademik. Tahap interpretasi min adalah berdasarkan skala yang digunakan oleh Ngadiman et al. (2019) iaitu: 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi). Seterusnya, korelasi Pearson digunakan untuk menentukan kekuatan dan arah hubungan antara penggunaan AI dan integriti akademik. Aras signifikan ditetapkan pada  $p < 0.05$ .

## Hasil Kajian

Bahagian ini membentangkan dapatan kajian yang merangkumi analisis kebolehpercayaan item, statistik deskriptif dan korelasi *Pearson*.

### Analisis Kebolehpercayaan Item

**Jadual 1. Analisis Kebolehpercayaan Item**

Pemboleh ubah	Bilangan Item	Cronbach's Alpha
Penggunaan AI	8	0.898
Integriti Akademik	8	0.835

Jadual 1 menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Nilai Cronbach's Alpha bagi penggunaan AI ialah 0.898, manakala integriti akademik ialah 0.835. Kedua-dua nilai melebihi 0.80, sekali gus menunjukkan bahawa item soal selidik adalah stabil dan sesuai digunakan untuk analisis seterusnya.

### Tahap Penggunaan Alat Kecerdasan Buatan Dan Integriti Akademik

Analisis deskriptif dalam Jadual 2 menunjukkan tahap penggunaan AI dalam kalangan pelajar adalah tinggi dengan nilai min 4.17 dan sisihan piawai 0.60. Ini bermaksud pelajar kerap memanfaatkan alat AI bagi menyokong proses pembelajaran seperti mencari idea, menyemak penulisan, memahami konsep dan menyelesaikan tugas teknikal. Dapatan ini sejajar dengan Malik et al. (2023) dan Zhou et al. (2024) yang mendapati AI membantu meningkatkan keyakinan dan pengalaman pembelajaran pelajar.

**Jadual 2. Statistik Deskriptif Pemboleh ubah Kajian**

Pemboleh ubah	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Penggunaan AI	4.17	0.60	Tinggi
Integriti Akademik	4.34	0.47	Tinggi

Nilai min integriti akademik pula lebih tinggi, iaitu 4.34 dengan sisihan piawai 0.47. Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar masih mengekalkan tahap kejujuran, keaslian dan tanggungjawab akademik yang baik walaupun penggunaan AI adalah tinggi. Perbandingan ini memberi gambaran bahawa penggunaan AI tidak semestinya menyebabkan kemerosotan integriti akademik. Sebaliknya, pelajar boleh menggunakan AI secara bertanggungjawab apabila mereka memahami fungsi AI sebagai alat bantuan dan bukan pengganti usaha akademik.

### Hubungan Antara Penggunaan AI Dan Integriti Akademik

Analisis korelasi *Pearson* dalam Jadual 3 menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara penggunaan AI dan integriti akademik dengan nilai  $r = 0.353$  dan  $p < 0.01$ . Kekuatan hubungan ini berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menjelaskan bahawa semakin tinggi penggunaan AI, semakin tinggi juga tahap integriti akademik dalam kalangan responden. Ini menunjukkan penggunaan AI mungkin membantu pelajar memahami kepentingan kejujuran dan mengurangkan kecenderungan untuk menipu dalam tugas akademik. Dapatan ini penting kerana ia mencabar andaian bahawa penggunaan AI secara automatik membawa kepada ketidakjujuran akademik. Sebaliknya, pelajar yang aktif menggunakan AI juga menunjukkan tahap integriti yang tinggi.

**Jadual 3. Analisis Korelasi Pearson**

Pemboleh ubah	Penggunaan AI	Integriti Akademik
Penggunaan AI	1	0.353**
Integriti Akademik	0.353**	1

Nota: \*\* $p < 0.01$

Secara praktikal, dapatan ini menunjukkan bahawa isu utama bukanlah penggunaan AI semata-mata, tetapi cara pelajar menggunakannya. AI boleh menyokong pembelajaran apabila digunakan untuk memahami konsep, mendapatkan cadangan struktur, membandingkan idea atau menyemak kelemahan penulisan. Namun, AI boleh menjejaskan integriti sekiranya digunakan untuk menghasilkan tugas sepenuhnya tanpa pemahaman, tanpa pengakuan penggunaan atau tanpa semakan kritikal oleh pelajar.

### Perbincangan

Dari sudut teori, dapatan kajian ini menyokong pandangan bahawa tingkah laku akademik dipengaruhi oleh kawalan sendiri, kesedaran moral dan persekitaran pembelajaran. Pelajar yang mempunyai keupayaan mengawal penggunaan teknologi lebih berpotensi mengekalkan integriti walaupun mempunyai akses kepada AI. Oleh itu, pendidikan berkaitan etika AI perlu menekankan penggunaan bertanggungjawab, ketelusan, semakan fakta, keselamatan data dan pengiktirafan sumber. Implikasi kepada institusi TVET ialah pendekatan kawalan yang terlalu ketat mungkin tidak mencukupi. Institusi perlu menyediakan garis panduan yang jelas tentang penggunaan AI dalam tugas, termasuk situasi yang dibenarkan, cara menyatakan penggunaan AI dan larangan menyerahkan output AI sebagai kerja asli. Pensyarah pula perlu merancang penilaian yang menekankan analisis, refleksi, pembentangan, projek autentik dan demonstrasi proses kerja. Pendekatan ini dapat mengurangkan risiko penyalahgunaan AI serta menggalakkan pembelajaran bermakna. Walaupun dapatan adalah positif, kajian ini mempunyai batasan. Sampel diperoleh melalui pensampelan mudah dan hanya melibatkan pelajar Politeknik Besut Terengganu, maka dapatan tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh kepada semua pelajar politeknik atau bidang lain. Selain itu, data berdasarkan

laporan sendiri responden mungkin dipengaruhi oleh kecenderungan menjawab secara sosial. Kajian masa hadapan boleh menggunakan pendekatan campuran melalui temu bual, analisis tugas dan pemerhatian bagi memahami pertimbangan etika pelajar dengan lebih mendalam.

### **Cadangan Pelaksanaan**

Berdasarkan dapatan kajian, institusi politeknik disarankan menyediakan garis panduan penggunaan AI yang mudah difahami oleh pelajar dan pensyarah. Garis panduan tersebut perlu membezakan penggunaan AI yang dibenarkan, seperti mendapatkan idea awal, menyemak struktur ayat dan memahami konsep, dengan penggunaan yang tidak dibenarkan seperti menyerahkan jawapan AI tanpa semakan atau pengakuan. Selain itu, literasi AI perlu dilaksanakan secara berterusan melalui bengkel, modul pendek atau aktiviti dalam kelas supaya pelajar memahami kelebihan, had, risiko bias, keselamatan data, hak cipta dan tanggungjawab akademik apabila menggunakan AI. Pensyarah juga perlu menyesuaikan bentuk penilaian dengan menekankan proses pembelajaran melalui log kerja, refleksi penggunaan AI, pembentangan individu, demonstrasi penyelesaian masalah dan perbincangan lisan bagi menilai kefahaman sebenar pelajar. Pada peringkat pelaksanaan, institusi boleh memperkenalkan borang deklarasi penggunaan AI bagi setiap tugas akademik supaya pelajar menyatakan alat AI yang digunakan, tujuan penggunaan dan bahagian tugas yang dibantu oleh AI. Pembangunan polisi AI juga perlu melibatkan pensyarah, pelajar dan pihak pengurusan akademik agar garis panduan yang dihasilkan sesuai dengan keperluan TVET serta seimbang antara kawalan etika dan inovasi pembelajaran. Kajian masa hadapan wajar meneliti faktor seperti literasi AI, tekanan akademik, efikasi sendiri dan sikap terhadap integriti akademik bagi memahami penggunaan AI secara bertanggungjawab. Secara keseluruhannya, AI perlu dilihat sebagai alat sokongan pembelajaran yang dipandu melalui polisi, latihan dan reka bentuk pengajaran yang sesuai tanpa mengabaikan nilai integriti akademik.

### **Kesimpulan**

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar Politeknik Besut Terengganu mempunyai tahap penggunaan AI yang tinggi dan pada masa yang sama mengekalkan tahap integriti akademik yang tinggi. Analisis korelasi membuktikan wujud hubungan positif yang signifikan antara penggunaan AI dan integriti akademik. Penemuan ini menegaskan bahawa AI bukan ancaman intrinsik kepada integriti akademik, sebaliknya kesannya bergantung kepada cara penggunaan, tahap literasi AI dan kesedaran etika pelajar. Secara keseluruhan, kajian ini memberi sumbangan kepada literatur TVET dengan menunjukkan bahawa pelajar mampu menyeimbangkan penggunaan teknologi dengan tanggungjawab akademik. Dapatan ini juga menyokong keperluan institusi untuk membangunkan polisi penggunaan AI yang seimbang, bukan sekadar melarang penggunaan teknologi tersebut. Polisi yang baik perlu menerangkan had penggunaan, keperluan deklarasi AI, kaedah rujukan, perlindungan data dan tanggungjawab pelajar terhadap hasil kerja yang dihantar.

Beberapa cadangan dikemukakan. Pertama, literasi AI perlu dimasukkan dalam kurikulum agar pelajar memahami kekuatan, kelemahan dan risiko AI. Kedua, latihan integriti akademik perlu dikaitkan dengan contoh penggunaan AI dalam tugas sebenar. Ketiga, pensyarah perlu menggunakan penilaian autentik seperti pembelajaran berasaskan projek, pembentangan lisan, refleksi individu dan semakan proses kerja. Akhir sekali, kajian lanjutan disaran melibatkan sampel yang lebih besar, pelbagai bidang pengajian dan pendekatan kualitatif bagi meneroka faktor psikologi serta konteks yang mempengaruhi penggunaan AI secara beretika.

## Rujukan

- Ab Hamid, E. A. H., Maskur, H., & Mutalib, R. A. (2023). The use of ChatGPT applications in learning: Impact on understanding and student engagement in TVET institutions. *Malaysian Journal of Information and Communication Technology*, 78-87.
- Ab Hamid, E., Mutalib, R. A., & Semail, S. (2026). Cyber ethics and digital compliance in Malaysia: Empowering ethical digital citizenship. *Tropical Scientific Journal*, 5(2), 175-186.
- Chew, S., Razak, S., & Lo, Y. (2025). The relationship between artificial intelligence usage and academic performance of students at a Malaysian public university. *International Journal of Pervasive Computing and Communications*. <https://doi.org/10.1108/ijpcc-05-2025-0186>
- Dahri, N., Yahaya, N., Al-Rahmi, W., Vighio, M., Alblehai, F., Soomro, R., & Shutaleva, A. (2024). Investigating AI-based academic support acceptance and its impact on students' performance in Malaysian and Pakistani higher education institutions. *Education and Information Technologies*, 29, 18695-18744. <https://doi.org/10.1007/s10639-024-12599-x>
- Ezzaim, A., Dahbi, A., Aqqal, A., & Haidine, A. (2025). AI-based learning style detection in adaptive learning systems: a systematic literature review. *Journal of Computers in Education*, 12(3), 731-769.
- Holmes, W., Bialik, M., & Fadel, C. (2019). Artificial intelligence in education: Promises and implications for teaching and learning. Center for Curriculum Redesign.
- Hua, J. (2023). Beyond exams: Investigating AI tool impact on student attitudes, ethical awareness, and academic dishonesty in online college assessments. *International Journal of Educational Management and Development Studies*. <https://doi.org/10.53378/353030>
- Malik, A., Pratiwi, Y., Andajani, K., Numertayasa, I., Suharti, S., Darwis, A., & M. (2023). Exploring artificial intelligence in academic essay: Higher education students' perspective. *International Journal of Educational Research Open*. <https://doi.org/10.1016/j.ijedro.2023.100296>
- Mustaffa, S. (2025). Analysis of the usage of artificial intelligence (AI) applications among university students in Malaysia. *International Journal of Instruction, Technology and Social Sciences*. <https://doi.org/10.47577/ijitss.v4i.142>
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Shaari, A., & Morat, B. (2025). From prompt to paragraph: Malaysian university students' reflections on the use and ethical practices concerning AI tools in academic writing. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. <https://doi.org/10.35631/ijepc.1059063>
- Yusuf, A., Pervin, N., & Roman-Gonzalez, M. (2024). Generative AI and the future of higher education: A threat to academic integrity or reformation? *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 21, 1-29. <https://doi.org/10.1186/s41239-024-00453-6>
- Zawacki-Richter, O., Marin, V. I., Bond, M., & Gouverneur, F. (2019). Systematic review of research on artificial intelligence applications in higher education. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 16, 39. <https://doi.org/10.1186/s41239-019-0171-0>
- Zhang, S., Zhao, X., Zhou, T., & Kim, J. (2024). Do you have AI dependency? The roles of academic self-efficacy, academic stress, and performance expectations on problematic AI

usage behavior. *International Journal of Educational Technology in Higher Education*, 21, 1-14. <https://doi.org/10.1186/s41239-024-00467-0>

Zhou, X., Zhang, J., & Chan, C. (2024). Unveiling students' experiences and perceptions of artificial intelligence usage in higher education. *Journal of University Teaching and Learning Practice*. <https://doi.org/10.53761/xzjprb23>